



# icLS2021

INTERNATIONAL CONFERENCE ON  
LANGUAGE STUDIES

08 - 09 SEPTEMBER 2021

## Language Sustainability: Reality, Challenges and Directions in the Digital Technology Era



# PROCEEDINGS

# KEBIMBANGAN PELAJAR SEKOLAH RENDAH LUAR BANDAR DI SARAWAK TERHADAP PEMBELAJARAN MATEMATIK: PENGLIBATAN IBU BAPA DAN MEDIUM PENGAJARAN

Wan Sofiah Meor Osman\*<sup>1</sup>

Wan Robiah Meor Osman<sup>2</sup>

Nur Fatimah Mat Yusoff<sup>3</sup>

Farida Abdul Halim<sup>4</sup>

<sup>1, 3, 4</sup>Fakulti Sains Kognitif dan Pembangunan Manusia

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Malaysia Sarawak

[mowsofiah@unimas.my](mailto:mowsofiah@unimas.my)

*\*Corresponding author*

## ABSTRAK

Pencapaian akademik pelajar dipengaruhi oleh aspek luaran, iaitu sokongan pembelajaran dan persekitaran seperti kemudahan asas, peranan ibu bapa dan guru, dan aspek dalaman seperti keupayaan intelektual, daya pemahaman dan penguasaan. Kajian ini bertujuan mengkaji kebimbangan pelajar sekolah rendah luar bandar di Sarawak terhadap pembelajaran matematik. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah temu bual separa berstruktur yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu, penglibatan ibu bapa dan medium pengajaran. Data temu bual bersemuka daripada tujuh kumpulan sasaran pelajar sekolah rendah luar bandar di Simunjan dan Serian telah ditranskripsi dan dianalisis menggunakan pendekatan tematik. Penyelidikan berdasarkan kajian kes ini menunjukkan bahawa kebimbangan pelajar terhadap pembelajaran matematik dipengaruhi oleh usaha ibubapa dan aspirasi pendidikan; sokongan pembelajaran; sokongan persekitaran dan bahasa sebagai medium utama dalam pengajaran di sekolah. Menerusi dapatan ini juga dapat dirumuskan bahawa kebimbangan pelajar dapat dikurangkan dengan penglibatan ibu bapa. Di samping itu, penyampaian pengajaran Matematik dalam bahasa Melayu menjadi pilihan pelajar pelbagai etnik kerana ia dapat mengurangkan kebimbangan mereka. Kajian ini memberi implikasi kepada strategi ibu bapa di rumah dan pendekatan guru di sekolah melalui medium pengajaran yang digunakan untuk mengurangkan kebimbangan pelajar pelbagai etnik dalam mata pelajaran Matematik.

**Kata kunci:** Kebimbangan matematik; sekolah rendah; sekolah luar bandar; penglibatan ibu bapa; medium pengajaran

**MATHEMATICS ANXIETY AMONG RURAL PRIMARY SCHOOL CHILDREN IN SARAWAK:  
PARENTAL INVOLVEMENT AND INSTRUCTIONAL MEDIUM**

**ABSTRACT**

Students' academic performances are influenced by the external factors of learning and environmental support such as facilities, roles of parents and teachers as well as internal factors such as intellectual ability, mastery and understanding level. This study investigated mathematics anxiety among rural primary school children in Sarawak. This qualitative study employed semi-structured interviews on parental involvement and instructional medium involving seven student focus groups from rural schools in Simunjan and Serian. Thematic analysis showed that mathematics anxiety is influenced by parents' efforts and educational aspirations, learning and environmental support and language as a main instructional medium in schools. The findings suggest that mathematic anxiety can be reduced by parental involvement. In addition, students from differing ethnic background opted for Mathematics to be taught in the Malay language as it can reduce their anxiety, suggesting that medium of instruction and strategies used by parents at home can reduce anxiety among students from various ethnic groups.

**Key words:** Mathematics anxiety; primary school; rural school; parental involvement; instructional medium

**Pengenalan**

Matematik merupakan subjek penting dan wajib dalam pembelajaran sama ada pada peringkat sekolah rendah mahupun menengah. Kepentingan subjek ini sebagai subjek wajib lulus dalam kedua-dua peringkat sekolah menyebabkan adakalanya mewujudkan kebimbangan dalam kalangan pelajar khususnya dan para guru serta ibu bapa amnya. Kebimbangan merupakan suatu perasaan yang mewujudkan tekanan, ketakutan, gementar dan bimbang yang dapat mempengaruhi perasaan secara spontan (Horwitz, et al., 1986:125). Kebimbangan yang berlebihan boleh mempengaruhi pencapaian pelajar dalam mata pelajaran ini (Chan Ching Peng & Roslinda Rosli, 2021; Nor Hashimah Abu Bakar, Zulkifley Mohamed & Mohd. Faizal Nizam Lee Abdullah, 2016; Arsaythamby Veloo & Shamsuddin Muhammad, 2011). Hal ini jelas menunjukkan bahawa peningkatan dalam kebimbangan matematik boleh memberikan kesan terhadap penurunan dalam pencapaian pelajar (Effandi & Norazah, 2008; Taipa, 2004). Oleh hal yang demikian, maka pencapaian matematik selalunya dilihat sebagai faktor utama bagi memastikan kejayaan pelajar dalam sistem persekolahan (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2000, dalam Arsaythamby Veloo dan Shamsuddin Muhammad, 2011).

Pencapaian akademik pelajar banyak dipengaruhi oleh penglibatan ibubapa, guru dan pihak pengurusan sekolah. Sokongan ibubapa terhadap pembelajaran merupakan salah satu faktor pemangkin kepada peningkatan dalam akademik pelajar (Shanti Ramalingam, Mahendran Maniam, Gunasegaran Karuppanan, 2019; Irma Yanti Mahamud, Norlizah Che Hassan, Fathiyah Mohd Fakhruddin, 2018; Paezah Abd. Halim dan Faridah Yunus, 2017; Zulkifli Abd Hamid et al., 2011).